

Dadah sintetik baharu boleh sebabkan penagih tidak sedar diri, bertukar ganas


Malaysia diancam dadah zombi

KOSMO 05/12/2017 M/S 02

Oleh MALINDA ABDUL MALIK

KUALA LUMPUR – Malaysia bakal berdepan dengan ancaman bahan psikoaktif baharu dikenali *New Psychoactive Substances* (NPS) yang digunakan bagi menghasilkan dadah sintetik baharu sehingga menyebabkan penagihnya tidak ubah seperti mayat hidup.

Bahan sintetik itu juga boleh dikatakan sama seperti dadah jenis flakka yang menjadikan seseorang tidak sedar diri dan kelihatan seperti zombi seperti yang dilaporkan semakin menular pengambilannya di Amerika Syarikat.




Kosmo! difahamkan NPS merupakan trend dadah baharu dan paling merunsingkan apabila penagihnya dapat mengelak kesan dadah dalam ujian air kencing dijalankan.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Bukit Aman, Datuk Seri Mohamad Salleh (**gambar kecil**) berkata, kewujudan dadah NPS merupakan cabaran besar bagi JSJN dalam mengawal dan menghapuskan dadah yang dikenali dengan nama-nama saintifik berikutan ia menyerupai bentuk ubat-ubatan.

Katanya, kebanyakan NPS yang dihasilkan dalam bentuk pil boleh mengubah fungsi otak sehingga mengakibatkan perubahan dalam mood, kesedaran atau tingkah laku menjadi luar biasa dan agresif.

Jelas Mohamad, ancaman dadah bentuk baharu itu dipercayai dihasilkan oleh ahli kimia yang menyalahgunakan ilmu pengetahuan dengan mencipta dadah hingga



mampu mengubah trend dadah tradisional dan sintetik kepada penagihan dadah NPS.

“Jika kita lihat dulu, rampasan dadah tradisional berkurangan kerana penagih berubah kepada pengambilan dadah sintetik seperti syabu, pil ekstasi dan eramin 5 namun apa yang dibimbangkan kini NPS akan menjadi ketagihan penagih dadah.

“Selain itu, NPS juga mampu memberikan kesan khayal lebih berbahaya daripada dadah tradisional dan sintetik,” katanya ketika dihubungi *Kosmo!* semalam.



KERATAN *Kosmo!* 4 November 2017.

Menurutnya lagi, antara bahan NPS yang digunakan untuk menghasilkan dadah yang dikenali melalui ujian oleh Jabatan Kimia ialah mephedrone, nethyllone dan n-benzylpiperazine.

Katanya, sebanyak 800 jenis NPS digunakan di luar negara dan 27 daripada jumlah itu dikenali penggunaannya di negara ini dan tujuh daripadanya digazetkan di bawah Akta Racun 1952.

“Pihak polis menjalin kerjasama dengan Kementerian Kesihatan dan Jabatan Kimia yang mempunyai kepakaran untuk menentukan sama ada pil yang dirampas dadah jenis NPS atau sebaliknya,” ujarnya.

Sementara itu, berdasarkan statistik PDRM sebanyak 702,319 orang ditangkap berkaitan kesalahan dadah di negara ini dalam tempoh 2014 hingga Oktober 2017.

Daripada jumlah itu seramai 21,731 adalah pengedar yang ditangkap mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952.

Daripada jumlah itu juga, seramai 68 orang adalah ‘raja dadah’ manakala 27,914 orang pula warga negara asing.

INFO Dadah NPS

- *New Psychoactive Substances* (NPS) adalah sejenis bahan kimia dalam bentuk cecair dan serbuk yang dicampur dalam ubat. Namun ia disalah guna oleh pakar kimia dengan mencampurkannya dengan dadah sedia ada bagi menghasilkan dadah baharu yang memberi kesan lebih kuat
- Terdapat laporan mengatakan NPS dihasilkan di China sebelum diekspor ke negara lain di Eropah serta dilabelkan semula dengan nama seperti ‘Spice’ atau K2
- Ia mempunyai kesan psikotropik yang sama atau hampir sama dengan dadah yang diharamkan tetapi bahan kimia yang digunakan tidak menyalahi undang-undang
- Sesetengah NPS mempunyai kesan berkali ganda dadah biasa dan berisiko menyebabkan kematian yang tidak dapat dijelaskan puncanya
- Sebahagian NPS telah diharamkan di beberapa negara Eropah dan Amerika Syarikat.
- Kajian mendapati NPS merupakan satu ancaman baharu yang akan menggantikan dadah sintetik yang lain seperti syabu, ekstasi dan lain-lain

Kes dadah NPS dan dadah dalam peket minuman

15 Mac 2014 - Enam maut termasuk tiga gadis, disyaki akibat mengambil dadah methamphetamine yang dikenali juga sebagai ‘designer drug’ atau dadah sintetik secara berlebihan hingga mengalami sesak nafas, ketika menghadiri sebuah konsert di Stadium Bukit Jalil

4 Mac 2017 - Polis Negeri Sembilan mengesan kewujudan dadah dalam bentuk serbuk minuman sewaktu melakukan serbuan di sebuah pusat hiburan di Nilai yang dijual dalam lingkungan RM300 hingga RM350 sepeket



DADAH sintetik NPS yang dibungkus dalam paket minuman dalam satu rampasan polis di Kajang, Selangor pada November lalu.



DADAH jenis NPS memberi kesan menyerupai dadah flakka yang menyebabkan penagihnya bertukar agresif seperti zombi.

17 Jun 2017 - Pelbagai jenis dadah bernilai hampir RM600,000 yang dibungkus dalam bungkus teh Cina dan teh Lipton dirampas dalam serbuan di sebuah rumah teres tiga tingkat dan sebuah kondominium di Bukit Idaman, Selayang

13 November 2017 - Sebanyak 61 paket dadah sintetik bahan psikoaktif baharu (NPS) yang dibungkus dalam paket minuman bernilai RM217,000 dirampas dalam satu serbuan di sebuah rumah teres di Kajang

27 November 2017 - Polis Pulau Pinang menumpaskan sindiket pengedaran dadah menggunakan bungkus minuman pracampuran dengan penangkapan lima suspek di sebuah rumah di Jalan Harbour Place, Butterworth